

## Pengurusan Kewangan Islam Untuk Generasi TN50 Di Era 4IR

Zulkifli Mohamed<sup>1, a</sup>, Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan<sup>2</sup>,  
Ahmad Bukhari Mohd Yasin<sup>3</sup>, Ruzidah Ahyak<sup>4, a</sup>

<sup>1,2,3</sup>Universiti Teknologi MARA, Malaysia

<sup>4</sup>SM Sains Pasir Puteh, Malaysia

<sup>a</sup>zulkiflimdab@gmail.com

**Katakunci:** Revolusi industri, perancangan kewangan Islam, global, persaraan

**Abstrak.** Arus Revolusi Industri ke 4 (4IR) semakin menghampiri kita. Ia bukan sahaja melanda negara Malaysia malah seluruh dunia. Perubahan global kemajuan teknologi dalam pelbagai bidang telah meningkatkan capaian maklumat. Peningkatan automasi dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam bidang teknologi pengangkutan, pengeluaran, hiburan, pemakanan, perubatan dan perawatan telah mempengaruhi budaya manusia sejagat. Ia telah mengubah cara manusia berkomunikasi, bekerja dan belajar. Kemajuan ini telah meningkatkan kualiti rawatan dan kesihatan penduduk seterusnya meningkatkan jangka hayat penduduk. Keadaan ini akan meningkatkan bilangan populasi warga emas dan kadar kebergantungan negara. Sebaliknya, kajian menunjukkan 89% tahap simpanan rakyat Malaysia adalah dibawah RM100,000. Keadaan ini akan menyebabkan tanggungan kewangan warga emas dan keluarga mereka akan menjadi lebih besar dan dibimbangi akan menyebabkan pengabaian kebajikan warga emas akan meningkat pada tahun 2050. Lantaran itu generasi TN50 hari ini perlu diberikan nilai hidup Islam dan kemahiran dalam pengurusan kewangan Islam seawal mungkin bagi membolehkan mereka lebih bersedia dan mempunyai sikap yang betul dalam menguruskan kehidupan dan kewangan mereka.

### Pengenalan

Kerajaan Malaysia telah melancarkan gerakan membina wawasan negara melalui pengumpulan aspirasi generasi muda pada hari ini tentang keadaan negara pada masa hadapan yang dikenali sebagai Transformasi Nasional 2050 (TN50). Pada 2018 jumlah populasi rakyat Malaysia adalah seramai 31.5 juta orang. Generasi yang berumur 1-14 tahun adalah seramai 9.3 juta orang (29.6%) (Jabatan Statistik, 2017). Generasi ini akan menjadi pewaris negara dan dikenali sebagai generasi TN50.

Pada masa yang sama hari ini, perkembangan teknologi global berada di ambang Revolusi Industri ke 4. Di mana kemajuan teknologi hari ini lebih berasaskan kepada teknologi digital berbanding analog. Elemen kecerdikan buatan (AI) dan teknologi rangkaian (networking) menjadi semakin meluas. Kemajuan teknologi internet hari ini telah mengubah cara manusia berkomunikasi, cara bekerja, pengurusan perniagaan, pengeluaran produk, pemasaran, kaedah rawatan dan mengurus sumber kewangan (*internet of things*). Peningkatan automasi dalam pelbagai aspek kehidupan telah meningkatkan kualiti kehidupan secara umumnya. Perubahan dalam kemajuan teknologi hari ini akan mempengaruhi corak kehidupan sosial pada masa hadapan (Songpol, Gordon dan Obait, 2009). Oleh itu pendidikan nilai yang sebenar amat perlu ditekankan, agar masyarakat tidak dihanyutkan oleh kemajuan arus materialism semata-mata. Seterusnya akan menghasilkan masyarakat baru yang lebih individualistik dan silo dalam dunia gadget masing-masing. Oleh itu penekanan kepada proses pendidikan yang bersepadu di antara nilai Islam dan peradaban semasa amat penting untuk mempersiapkan generasi TN50 dengan cabaran masa hadapan.

### Permasalahan

Kajian oleh Jabatan Statistik Malaysia dan Bank Dunia menunjukkan jangkaan hayat penduduk Malaysia semakin meningkat setiap tahun. Kemajuan ini telah meningkatkan jangka hayat penduduk kepada 72.2 (lelaki) 77.4 (perempuan) tahun pada 2017. Manakala kadar kelahiran pula menunjukkan penurunan. Keadaan ini telah menyebabkan kadar kebergantungan dalam masyarakat telah meningkat, daripada 49% pada 2017 kepada 51% pada tahun 2050. Islam, Shitam dan Mondal (2017) mengunjurkan peningkatan jangka hayat populasi Malaysia, di mana jangkaan hayat lelaki adalah 79.13 dan 84.05 tahun bagi perempuan pada tahun 2050. Fenomena ini adalah konsisten dengan keadaan di beberapa kawasan lain di dunia. Peningkatan kumpulan umur 60 tahun dan ke atas juga berlaku di negara Eropah, di mana diunjurkan 34% daripada populasi mereka terdiri daripada golongan berusia pada tahun 2050. Begitu juga di negara Amerika Latin, Caribbean dan Asia, di mana jumlah golongan berusia lebih 60 tahun pada hari ini akan meningkat daripada 12% kepada 25% pada tahun

2050. Dari sudut kedudukan kewangan penduduk pula, kajian yang dikendalikan oleh HSBC (2015), melaporkan bahawa 91 peratus rakyat Malaysia berusia 45 tahun dan ke atas, yang mahu bersara dalam tempoh lima tahun akan datang, tidak dapat berbuat demikian disebabkan kekangan kewangan. Ekoran dari itu, tempoh berpencen rakyat Malaysia adalah di antara 11-16 tahun bagi lelaki dan di antara 17-22 tahun bagi wanita sebelum meninggal dunia. Peningkatan kadar kebergantungan dan peningkatan jangkaan hayat ini akan memberi kesan ke atas kualiti kehidupan masyarakat pada masa hadapan terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah. Sejauh manakah kesan perubahan komposisi populasi ini akan memberi kesan ke atas kehidupan warga TN50 nanti? Oleh itu kertas kajian ini cuba untuk mengkaji keadaan ini dan mengemukakan cadangan dari aspek pengurusan kewangan secara Islam.

### Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa perubahan komposisi populasi Malaysia dan mengkaji kesan arus 4IR ke atas kualiti kehidupan generasi TN50. Ia ditutup dengan cadangan penyelesaian untuk mempersiapkan generasi TN50 bagi menghadapi arus perubahan global.


### Kaedah Kajian

Kajian secara pemerolehan (*exploratory study*) ke atas sumber data tempatan dan antarabangsa dan kajian lepas telah dibuat bagi mengenalpasti senario sebenar daripada data dan pengunjuran kepada masa hadapan menggunakan kaedah aktuari.

### Perubahan Komposisi Populasi

Penelitian ke atas kumpulan awal usia didapati terdapat penurunan peratusan penduduk. Jumlah peratusan penduduk dalam kumpulan berusia 0-14 tahun pada 2017 menurun kepada 24.1% daripada 24.5% pada 2016. Namun, peratusan penduduk berusia 15-64 tahun telah meningkat daripada 69.5% pada 2016 kepada 69.7% pada tahun 2018. Bilangan warga emas berusia lebih 60 tahun akan berjumlah 3.3 juta dalam tahun 2020 (Mafauzi, 2000).

Histogram 1: Komposisi Populasi Malaysia pada 2018.




Source: <https://www.populationpyramid.net/malaysia/2018/>

Apabila dihubungkan dengan generasi TN50, komposisi generasi ini akan berubah mengikut masa. Generasi TN50 yang berusia 1-14 tahun pada hari ini akan berusia 33-56 tahun pada tahun 2050. Mereka akan menjadi kumpulan penyumbang utama kepada kemajuan negara. Pada hari ini, kumpulan ini perlu diberikan pendidikan dan peluang memajukan diri untuk mempersiapkan mereka sebagai pewaris negara pada masa hadapan. Manakala kumpulan yang berusia 30-50 tahun pada hari ini akan berusia 62-82 tahun pada 2050. Pada hari ini, kumpulan usia 30-50 tahun, adalah merupakan kumpulan usia yang aktif bekerja dan menyumbang kepada pembangunan negara. Mereka akan menjadi warga emas dan tergolong dalam kumpulan usia yang tidak bekerja ataupun berpencen.

Dari statistik di Histogram 1 dan 2 dapat dilihat kadar kebergantungan negara adalah 0.49 pada 2018. Ia bermaksud bagi

setiap 100 yang bekerja, mereka akan menyara 49 warga yang tidak bekerja. Pada 2050 diunjurkan kadar kebergantungan negara akan meningkat kepada 0.51. Ia menunjukkan peningkatan dalam kadar kebergantungan. Peningkatan ini akan memberi kesan peningkatan tanggungan kewangan ke atas generasi TN50. Perubahan komposisi populasi pada masa hadapan perlu ditangani dengan baik pada hari ini untuk menjamin kelangsungan kualiti kehidupan masyarakat pada masa hadapan.

Histogram 2: Unjuran Komposisi Populasi Malaysia pada 2050



Source: <https://www.populationpyramid.net/malaysia/2050/>

### Kesan Kewangan Ke Atas Generasi TN50

Perubahan komposisi usia pada 2050 akan memberikan impak besar ke atas kualiti hidup generasi TN50. Peningkatan bilangan warga emas dan peningkatan kadar kebergantungan negara perlu ditangani dengan langkah awal bagi mengelakkan kemudaratan pada masa depan. Jangkaan hayat penduduk Malaysia pada 2050 oleh Islam, Shitam dan Mondal (2017) ialah 79.13 tahun (lelaki) dan 84.05 tahun (perempuan). Umur persaraan pekerja sektor awam dan swasta telah ditetapkan pada 55-60 tahun. Kajian oleh HSBC (2015) pula menunjukkan 88% pekerja tidak mampu untuk bersara kerana jumlah tabungan yang kecil. Ini bermakna setiap ketua keluarga perlu menyara kehidupan selama 15 tahun selepas bersara. Kajian oleh KWSP (2013) ke atas peserta mereka menunjukkan 69% simpanan persaraan adalah tidak mencukupi. 69% ahli KWSP yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan RM50,000 dan ke bawah. 50% pesara pula akan menghabiskan simpanan KWSP mereka dalam tempoh 5 tahun. Tanggungan kewangan yang tinggi ini akan mengundang kepada pelbagai masalah social jika tidak ditangani dari awal.

Fenomena 4IR di atas menunjukkan bahawa generasi TN50 akan menjalani kehidupan dalam suasana kepesatan kemajuan teknologi dalam semua industri penting negara. Dengan kemajuan teknologi, banyak kerja-kerja yang menggunakan sumber tenaga manusia akan digantikan dengan mesin automasi (Chandra and Pouchous, 2017). Kerja-kerja merbahaya, rutin, berulang dan dokumentasi akan diambilalih oleh mesin. Isu kecekapan, kerangkaian, penjimatan proses kerja dan pemeasaan akan menjadi fokus utama syarikat-syarikat pada masa depan. Namun peluang-peluang kerjaya baru juga akan diwujudkan. Ia disokong oleh kelahiran syarikat-syarikat baru yang berasaskan internet semakin banyak seperti Uber, Grab, Lazada, Amazon.com, mudah.com, online ticketing dan lain-lain. Jumlah transaksi secara atas talian juga semakin meningkat. Perubahan-perubahan ini menuntut persediaan generasi TN50 untuk berusaha melengkapkan diri dengan 'skillset' yang sesuai dengan era 4IR bagi dan mengadaptasi dengan perubahan yang ada.

Dalam aspek yang lain cabaran pengurusan kewangan boleh menjadi satu ancaman atau pun peluang kepada generasi TN50. Aspek peluangnya adalah era 4IR membuka banyak peluang ekonomi yang baru kepada generasi TN50 untuk dimanfaatkan. Manakala ancamannya adalah jika generasi TN50 tidak dapat menguasai 'skillset' yang sesuai maka ia akan tertinggal dalam arus kemajuan dan negara tidak akan mempunyai daya saing.

### Kepentingan Pendidikan Islam

Untuk menjamin kelangsungan kehidupan pada masa hadapan, kekuatan ilmu dan akhlak amat penting sebagai asas dalam membina keperibadian generasi. Contoh dari zaman 'The Islamic Golden Age' perlu kita telusuri untuk mendapatkan panduan dari sejarah bagi membina peradaban baru di era 4IR ini. Ibnu Khaldun (2006) menjelaskan bahawa sejarah adalah disiplin ilmu yang dipelajari secara meluas oleh banyak bangsa dan kaum.

Pendidikan yang seimbang di antara jasmani, emosi dan rohani perlu digandingkan bersama dengan penerapan 'skillset' yang sesuai dengan keperluan era masa hadapan. Salah satu aspek yang penting untuk diterapkan adalah kemahiran membina kemampuan kewangan secara Islamik. Pengurusan kewangan yang terpisah dari nilai-nilai Islam hanya akan melahirkan generasi yang hilang jatidiri muslimnya. Kecukupan sumber kewangan dan kemahiran mengurus harta amat penting kepada generasi TN50. Sebarang ketidakcukupan dalam sumber kewangan pula akan menjejaskan kualiti kehidupan anggota masyarakat dan seterusnya akan membawa kepada pelbagai masalah sosial.

### Penerapan Pengurusan Kewangan (PK) Secara Islamik

Pengurusan kewangan secara Islam adalah satu yang dharuri untuk semua lapisan masyarakat. Beberapa langkah perancangan perlu dibuat bagi mencapai keperluan kewangan pada masa hadapan iaitu kebebasan kewangan (*financial freedom*) dan juga menyokong perkembangan pasaran modal Islam. (FPAM, 2014)

Perkembangan dalam teknologi di era 4IR hari ini telah mengubah lanskap ekonomi dan cara perniagaan dijalankan. Untuk mempersiapkan generasi TN50 dalam tempoh 30 tahun ke hadapan, generasi ini perlu diberi pendidikan yang sesuai dengan zaman yang mereka akan tempuhi. Beberapa Perancangan Kewangan (PK) telah dikenalpasti seperti dibawah:

PK1: Perancangan Sumber Pendapatan. Dalam aspek Perancangan kewangan anak-anak generasi TN50 perlu diberi kesedaran bahawa semua harta yang kita miliki adalah amanah Allah kepada manusia untuk diuruskan dan dimanfaatkan untuk kemaslahatan hidup masyarakat. Harta perlu diperolehi secara halal dan mematuhi tuntutan syariah dan undang-undang negara. Amanah harta akan dihisab oleh Allah di akhirat nanti dari sumbernya dan bagaimana ia digunakan.

PK2: Perancangan Tabungan. Setelah itu, kemahiran kewangan yang ke dua ialah perancangan tabungan. Kemahiran menabung perlu diberikan kepada generasi TN50 seawal mungkin kerana tabungan adalah sumber kekuatan yang dapat dimanfaatkan bagi memenuhi pelbagai keperluan pada masa hadapan. Dengan adanya tabungan, keperluan kecemasan akan dapat dipenuhi. Peluang2 yang timbul juga akan dapat direbut menggunakan tabungan yang ada.

PK3: Perancangan Perbelanjaan. Selain itu generasi TN50 juga perlu memiliki kemahiran menguruskan perbelanjaan. Pada masa hadapan kemudahan untuk berbelanja menjadi lebih mudah. Hanya menggunakan gajet ditangan, pengguna akan dapat membeli pelbagai barangan dengan mudah. Kaedah pembayaran juga boleh dibuat secara online. Fenomena ini akan mendedahkan generasi TN50 kepada perbelanjaan yang tersasar. Pembaziran dan berlebihan dalam berbelanja bukanlah sikap yang baik. Generasi N50 perlu mengetahui perbezaan di antara keperluan dan kehendak. Kegagalan untuk membezakan di antara keperluan dan kehendak akan memudahkan generasi TN50 dipengaruhi oleh iklan dan promosi daripada penjual.

PK4: Perancangan Hutang. Kemahiran pengurusan hutang juga amat diperlukan oleh generasi TN50 bagi melindungi kestabilan kewangan mereka dan diseimbangkan dengan keperluan dan kehendak yang mereka cuba penuhi. Kemajuan dalam perkhidmatan juga akan meningkat dengan penawaran pelbagai produk kewangan yang dapat memenuhi keperluan generasi TN50. Kemudahan akses kepada pinjaman perbankan dan kemudahan kad kredit dihubungkan dengan kemudahan pembelian akan memudahkan generasi TN50 membuat hutang. Elemen riba dalam pinjaman mesti dielakkan. Sekiranya generasi TN50 tidak memiliki kemahiran pengurusan hutang, ia boleh mendedahkan generasi TN50 kepada risiko kebangkrutan. Risiko ini perlu dijauhi oleh semua orang kerana ia akan menjejaskan kualiti dan gaya hidup seseorang.

PK5: Perancangan Perlindungan Aset. Unjuran populasi juga menunjukkan bahawa akan berlaku kemajuan dalam teknologi perubatan dan pengurusan hospital. Keadaan ini akan menyebabkan tahap rawatan kesihatan pada masa hadapan akan menjadi lebih baik. Dengan perkembangan teknologi, membolehkan data rawatan kesihatan penduduk dapat di analisa dan diunjurkan dengan lebih tepat. Ekoran dari itu generasi TN50 juga perlu memiliki kemahiran perancangan perlindungan kesihatan. Perlindungan kesihatan biasanya dilindungi dengan menggunakan produk insuran atau pun takaful. Dengan adanya sistem perlindungan kesihatan generasi TN50 akan lebih mudah untuk mendapatkan rawatan kesihatan samada di hospital kerajaan ataupun swasta. Generasi TN50 perlu memiliki kemahiran untuk memilih produk kesihatan yang dapat memenuhi keperluan kesihatan generasi TN50 dan ahli keluarga mereka. Kecukupan nilai premium insuran akan menjadi amat kritikal kerana ia akan menentukan tahap perlindungan yang mereka perlukan.

PK6: Perancangan Persaraan. Unjuran komposisi populasi pada tahun 2050 menunjukkan bahawa jumlah warga emas

pada usia 65 tahun ke atas adalah sebanyak 16.8% daripada jumlah populasi semasa. Kadar kebergantungan masyarakat pula 0.51. Untuk menampung keperluan warga emas pada 2050 nanti, generasi TN50 perlu mempunyai rancangan persaraan yang baik. Golongan yang berusia 28 tahun dan ke atas pada hari ini akan menjadi warga emas yang berumur 60 dan ke atas pada tahun 2050 nanti. Kepada kumpulan usia ini, mereka perlu mempunyai rancangan persaraan yang baik dan mencukupi bagi menampung keperluan mereka pada usia 60 tahun dan ke atas nanti.

PK7: Perancangan Pelaburan. Generasi TN50 perlu sedar bahawa harta yang dimiliki perlu dikembangkan agar ia sentiasa bertambah dan menjadi produktif. Aktiviti pelaburan yang Islamik boleh dilaksanakan. Kajian pembangunan perniagaan yang berpotensi perlu dijalankan. Kaedah jualan secara maya mampu untuk mencapai sasaran pelanggan yang luas pada kos yang rendah.

PK8: Perancangan Pembersihan Aset. Dalam Islam, pembersihan aset dapat dilakukan dengan mengeluarkan zakat dan sedekah. Ia adalah satu tanggungjawab agama dan social yang penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi dan juga menjaga kebajikan sosial. Dengan menunaikan tanggungjawab zakat dan sedekah juga, ia akan dapat mendidik generasi TN50 dari sifat terlalu cintakan harta dan sifat tamak haluba.

PK9: Perancangan Pengagihan Aset. AstroAwani (20 April 2017) melaporkan RM60bilion harta pusaka tidak dituntut akibat dari masalah pengurusan. Perancangan pengagihan aset adalah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim sebelum mereka meninggal dunia. Harta yang terkumpul perlu diagihkan kepada waris dengan syarat-syarat yang sesuai bersama bimbingan syariat menerusi penulisan surat wasiat. Apabila generasi TN50 mempunyai kemahiran ini, isu harta tertunggak akan dapat dielakkan.

## Penutup

Generasi TN50 adalah pewaris negara pada masa hadapan. Cabaran 4IR perlu ditangani dengan bijaksana agar negara dapat mencapai keberkatan dan kemakmuran yang diberkati. Sistem pendidikan yang seimbang dan selari dengan falsafah Pendidikan negara perlu diterapkan kepada ibubapa, sekolah, universiti dan pemimpin masyarakat agar generasi anak-anak hari ini membesar dengan nilai, akhlak, ilmu dan jatidiri akan menjadi bekalan kepada mereka untuk menempuh kehidupan pada masa depan.

## Rujukan

Alexander C. Chandra, Kartini I. Pouchous, ASEAN in an Era of the Fourth Industrial Revolution: Prospects and Implications for Workers and Employment, ISSN 2502-0722 Issue 26/ August 2017

Assia Billig and Adrian Gallop, Why Actuaries Are Interested In Population Issues And Why Other Organisations Interested In Population Issues Should Talk To Actuaries?, IAA Population Issues Working Group. Retreat from: **Dicapai dari:** PIWG\_Paper\_Why\_Actuaries\_Interested\_Population.pdf

Dicapai dari: [https://www.indexmundi.com/malaysia/demographics\\_profile.html](https://www.indexmundi.com/malaysia/demographics_profile.html)

Dicapai dari: [http://databank.worldbank.org/data/reports.aspx?Id=5358e0d7&Report\\_Name=German-age-dependency-ratio-](http://databank.worldbank.org/data/reports.aspx?Id=5358e0d7&Report_Name=German-age-dependency-ratio-)

HSBC Press-release, 2015, Dicapai dari: <file:///D:/Downloads/27jan2015-press-release-88-per-cent-in-malaysia-concerned-about-not-having-enough-for-retirement.pdf>.

Ibnu Khaldun, Mukadimah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2006. Halaman ix.

Implications for Savings of Aging in the Asian 'Tigers', Peter S. Heller, Steven Symansky, Asian Economic Journal, Volume 12, Issue 3 September 1998 Pages 219-252.

Islamic Financial Planner, FPAM, 2014. Dicapai dari: <http://www.fpam.org.my/fpam/certification-and-standards/islamic-financial-planner/>

Jabatan Statistik Malaysia. Dicapai dari: <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?>

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Dicapai dari: [http://Www.Kwsp.Gov.My/Portal/Documents/10180/4459038/BUKU\\_-\\_Simpanan\\_KWSP\\_Dan\\_Persaraan\\_Anda\\_002\\_\\_CS5\\_.Pdf](http://Www.Kwsp.Gov.My/Portal/Documents/10180/4459038/BUKU_-_Simpanan_KWSP_Dan_Persaraan_Anda_002__CS5_.Pdf)

Md. Rafiqul Islam, Mahendran Shitan, Md. Nazrul Islam Mondal, Projection of Life Expectancy at Birth of Malaysian

Population: A Modelling Approach, Journal of The Indian Academy of Geriatrics, 2017; 13:68-72.

M. Mafauzy, The Problems and Challenges of the Aging Population of Malaysia, The Malaysian Journal of Medical Sciences, 2000 Jan; 7(1): 1-3.

Population age. Dicapai dari: <https://data.worldbank.org/indicator/SP.POP.1564.TO.ZS?view=chart>

Population Pyramid. Dicapai dari: <https://www.populationpyramid.net/malaysia/2018/>

Retirement Realities: When myths and facts collides. **Dicapai dari:** <https://sp.hsbc.com.my/>

Songpol Kulviwata Gordon C.BrunerIb ObaidAl-Shuridah, The role of social influence on adoption of high tech innovations: The moderating effect of public/private consumption, , Journal of Business Research, Volume 62, Issue 7, July 2009, Pages 706-712

Transformasi Nasional 50 (TN50), Dicapai dari: <http://www.mampu.gov.my/ms/pengumuman/704-portal-rasmi-transformasi-nasional-2050-tn50-penjawat-awam-2>